



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PENGURUS TEKNIK STUDIO (B.2)
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Jabatan Radio Televisyen Brunei.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana- mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGURUS TEKNIK STUDIO
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan / Kejuruteraan Audio dan Video / Kejuruteraan Elektrikal / Kejuruteraan Elektronik / Kejuruteraan Komputer / Kejuruteraan Komunikasi / Kejuruteraan Penyiaran / Media Komunikasi / Penyiaran Audio dan Video / Penyuntingan Audio dan Video / Sistem Audio dan Video / Teknologi Audio dan Video / Teknologi Elektronik / Teknologi Penyiaran atau bidang bersesuaian dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 tidak kurang dari 9 tahun.
2. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

SYARAT-SYARAT LAIN:

1. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
3. Mempunyai minat dan pengetahuan yang mendalam dan meluas mengenai hal ehwal media penyiaran;



4. Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal ehwal kejuruteraan penyiaran / media penyiaran / perkembangan teknologi dari semasa ke semasa;
5. Pernah mengikuti Program Pembangunan dalam bidang yang berkenaan anjuran Jabatan Radio Televisyen Brunei adalah kelebihan;
6. Mempunyai keyakinan diri yang tinggi untuk memahirkan diri dalam bidang yang diamanahkan, kreatif dan pro-aktif serta dapat bekerja secara berkumpulan;
7. Mempunyai sifat-sifat kepimpinan yang baik di samping boleh menjadi pembimbing atau mentor kepada Pegawai / Kakitangan di bawah jagaan;
8. Berkeupayaan membuat keputusan secara bijaksana dengan segera dalam hal ehwal kejuruteraan termasuk dalam suasana tegang; dan
9. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB :

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera Pengawas yang berkenaan bagi pengurusan operasi dan pemeliharaan di bahagian yang berkenaan di mana Pengurus Teknik Studio tersebut ditugaskan termasuk memastikan keberkesanan perkhidmatan;
2. Memastikan kualiti penyiaran adalah mengikut tahap penyiaran yang ditetapkan;
3. Mengawas krew teknikal dan operesen di bawah jagaan Pengurus Teknik Studio tersebut semasa bertugas serta memastikan tugas yang dijalankan adalah dalam keadaan sempurna, berkualiti dan memuaskan;
4. Membimbing serta memberi tunjuk ajar kepada Pegawai / Kakitangan di bawah jagaannya termasuk menguruskan keperluan latihan yang berkenaan; dan
5. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.